

12/08/1998

Dr M minta ahli Umno perkukuh parti

GEORGETOWN, Selasa - Ahli Umno perlu mengukuhkan kedudukan parti itu sebagai tunjang Barisan Nasional (BN) bagi membantu negara menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, BN akan menjadi lemah jika Umno tidak menjadi tunjang yang kuat dan setakat ini BN stabil kerana Umno ada tunjang yang kuat di tengah-tengahnya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, kekuatan yang diperolehi BN itu membolehkan kerajaan BN melaksanakan segala rancangan yang diketengangkannya.

"Ini penting (untuk Malaysia) sebagai negara membangun yang memerlukan kerajaan kukuh dan kuat. Kerajaan tidak akan dapat melaksanakan apa-apa rancangannya jika ia lemah," katanya ketika merasmikan Menara Umno Pulau Pinang, di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata, BN juga perlu wujud seperti kedudukan sekarang ini kerana setiap parti komponen yang mewakili golongan atau kaum tertentu berupaya mempertahankan kepentingan masing-masing.

"Dalam BN walaupun ada puak kecil, mereka diberi suara yang sama dan boleh mempertahankan hak," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata dalam Dewan Tertinggi BN, setiap parti hanya mempunyai tiga wakil, tanpa mengira kira parti itu besar atau kecil.

"Oleh itu suaranya sama kuat dengan parti besar dan dapat menjaga kepentingan kaumnya atau partinya. Ini cara kita," katanya sambil menyingkap sejarah perjuangan Umno dalam Perikatan dan BN.

Menurutnya, pakatan unik yang dibentuk Umno bersama kaum lain dalam Perikatan dan kemudian BN untuk memperjuangkan kemerdekaan dan mentadbir negara, tidak ada di mana-mana negara.

"Dalam Perikatan kita berjuang bersama, tidak ada perasaan dengki dan iri hati. Sebaliknya kita bersatu hati dan melalui pakatan ini kita dapat memperjuangkan nasib semua kaum di Malaysia. Kita tidak lupa asal usul dan kaum kita.

"Dalam pilihan raya pula, BN bergerak sebagai satu parti dan tidak bertanding sesama sendiri. Dengan itu, BN mendapat jumlah undi lebih dan kita dapat kerajaan yang kuat dan kukuh dan rancangan kita tidak mudah diketepikan. Ini penting untuk sebuah negara membangun.

"Kalau kerajaan tak kuat, kita tak dapat laksanakan dasar kerana setiap rancangan akan ditentang," katanya.

Menurut Dr Mahathir, BN yang mempunyai gabungan 14 parti, tidak akan tergugat jika mana-mana parti cuba menolak keputusannya atau mengugut untuk keluar.

"Kalau Umno keluar mungkin BN hadapi masalah, tetapi Umno sendiri tidak mampu mendirikan kerajaan. Sebab itu, kita selamat dengan cara ini.

"Inilah keistimewaan kita dan kerana itulah Umno terus maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno mempunyai 2.4 juta ahli - satu bilangan yang tidak dimimpikan pengasas Umno, tetapi kerana kebijaksanaan pemimpin lama terutama Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Umno menjadi parti terbesar di Malaysia.

Malah, kekuatan itu membolehkan Malaysia bertahan dan tidak perlu mendapat bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi memulihkan ekonominya.

"Kerajaan kita kuat kerana disokong rakyat, termasuk parti pembangkang.

Karpal Singh juga menyokong saya. Kalau tak ada Umno jangan mimpi dapat sokongan sebegini kuat,' katanya.

Menurut Dr Mahathir, Umno tidak menggunakan kuasanya untuk menunjuk-nunjuk atau terbabit dengan kegiatan terkutuk seperti kolusi, kroni kapitalisme dan nepotisme.

"Kita tidak terbabit walaupun ada tuduhan dari luar negara. Di Malaysia, tidak ada seorang pun yang boleh berkata, dia tak dapat apa-apa daripada BN atau parti komponennya," katanya.

Perdana Menteri berkata, generasi muda perlu mengetahui sejarah negara supaya dapat meneruskan perjuangan pada landasan yang betul.

"Satu bangsa itu tidak akan mengetahui ke mana mereka pergi, melainkan tahu dari mana ia datang. Kadangkala kita fikir kita maju ke depan, tetapi tak tahu yang mana depan dan yang mana belakang.

"Apabila kita maju, mungkin kita maju ke belakang. Sebab itu kita harus tahu sejarah kita kerana sejarah membentuk fikiran, menentukan budaya dan nilai hidup kita," katanya.

Beliau turut membaca serangkap pantun bagi menggambarkan suasana orang Melayu Pulau Pinang pada waktu dulu:

Pulau Pinang negeri baru
Kapten Light menjadi raja
Bila terkenang zaman dulu
Turun mengalir air mata.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, orang Melayu Pulau Pinang kini tidak mengalirkan air mata kerana sudah maju dan perasmian Menara Umno yang menggantikan bangunan lama yang penuh bersejarah.

(END)